



KENYATAAN MEDIA

Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Wilayah Persekutuan)

PROJEK PEMBANGUNAN TANAH PERKUBURAN ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN, MUKIM HULU SEMENYIH SELANGOR

8 JULAI 2026

Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) mengambil maklum kekeliruan yang tular di media sosial berhubung Projek Pembangunan Tapak Perkuburan Awam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Hulu Semenyih.

Kerajaan ingin menegaskan bahawa projek ini telah lama di hasratkan iaitu sejak tahun 2005 demi kebajikan rakyat, dengan objektif utama menangani dua isu kritikal iaitu kekurangan tapak perkuburan Islam bagi warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan Semenyih. Selain memenuhi keperluan warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, projek ini turut memberi manfaat kepada komuniti setempat apabila 10% daripada kapasiti tapak perkuburan diperuntukkan bagi tujuan pengebumian penduduk sekitar di negeri Selangor, sebagai manifestasi komitmen Kerajaan Persekutuan dalam memastikan pembangunan ini memberi manfaat bersama kepada masyarakat.

Demi memastikan maklumat yang tepat sampai kepada masyarakat, berikut adalah fakta rasmi bagi inisiatif kerajaan dalam pembangunan infrastruktur awam di Semenyih:

1. Keperluan Tapak Perkuburan Islam Baharu

Kapasiti tanah perkuburan Islam sedia ada di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah melebihi 70% penggunaan. Sehingga Jun 2023, hanya kira-kira 29% atau 34,496 lot masih berbaki dan dijangka hanya mampu menampung keperluan sehingga sekitar tahun 2032. Justeru, penyediaan tapak perkuburan baharu merupakan keperluan mendesak bagi menjamin kebajikan umat Islam pada masa hadapan.

2. Pembangunan Berteraskan Kepentingan Awam

- Projek ini dilaksanakan melalui kaedah kerjasama awam swasta di atas tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan seluas 332.6 ekar.
- Sebagai sebahagian daripada perjanjian, pemaju akan menanggung sepenuhnya kos penyediaan infrastruktur termasuk kuarters, surau, pejabat pentadbiran, kafeteria, tandas serta rumah pengawal dan juga kerja-kerja tanah bagi 104,470 plot kubur Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- Tanah tapak projek ini kekal sebagai milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.
- Pengurusan, pentadbiran dan operasi Tapak Perkuburan Islam tersebut kekal di bawah bidang kuasa Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan bukannya diuruskan oleh mana-mana syarikat.

3. Jalan Pintas Mengurangkan Kesesakan

- Kos keseluruhan projek jalan pintas berjumlah RM93.89 juta bukan ditanggung oleh Kerajaan, sebaliknya dibiayai oleh pemaju sebagai syarat pembangunan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Selangor.
- Jalan pintas sepanjang 4.3 kilometer dari Jalan Sungai Lalang ke Lebuhraya SILK dibina bagi mengatasi kesesakan trafik dan sekali gus memberikan laluan alternatif yang lebih lancar kepada penduduk setempat.

JWP menegaskan bahawa projek ini telah melalui penilaian teknikal, penarafan nilai (Value Management Lab) serta proses kelulusan Kerajaan Negeri dan Persekutuan. Setiap keputusan yang dibuat adalah berlandaskan kepentingan awam bagi memastikan kebajikan rakyat terus terpelihara, di samping menyediakan kemudahan asas yang lebih baik untuk generasi akan datang. Laporan polis telah dibuat bagi mengekang penyebaran maklumat yang tidak sahih.

HANNAH YEOH
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

